

**UCAPAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
SEMPENA MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH LEMBAGA
PENGARAH UNIVERSITI DAN LEMBAGA PENGARAH ANAK-
ANAK SYARIKAT UiTM & TAKLIMAT LIABILITI KORPORAT**

YBhg. Tpj Datuk Seri Norazlan Mohd Razali
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM

YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr Hajah Roziah Mohd Janor
Naib Canselor UiTM

YBhg. Tpj. Datuk Razim Mohd Noor
Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM Putrajaya

YBhg. Tpj Dato' Haji Alias Salim
Pengarah SPRM Negeri Selangor

YBhg. Dato' Sri Dr Haji Irmohizam Haji Ibrahim
Ahli Lembaga Pengarah UiTM

YBrs. Haji Anwar Syahrin Abdul Ajib
Ahli Lembaga Pengarah UiTM

Ahli Lembaga Pengarah Anak-Anak Syarikat

Ahli Majlis Eksekutif Universiti

YBhg. Datuk/ Datin/ Profesor/ Tuan-Tuan Dan Puan-Puan yang
dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya, dapat kita bersama-sama dalam Majlis Ikrar Bebas Rasuah Lembaga Pengarah Universiti dan Lembaga Pengarah Anak-Anak Syarikat UiTM & Taklimat Liabiliti Korporat pada bulan Ramadan yang mulia ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia TPj Datuk Seri Norazlan Mohd Razali Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atas kesudian meluangkan masa hadir dan menyaksikan lafaz ikrar bebas rasuah pada hari ini.

3. Untuk makluman Yang Berbahagia Datuk Seri, majlis ini adalah julung kali diadakan untuk '*board of directors*' dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pejabat Pendaftar dan Unit Integriti selaku jawatankuasa penganjur atas usaha merealisasikan majlis ini.

4. Saya yakin majlis ini menunjukkan komitmen Lembaga Pengarah UiTM dan Lembaga Pengarah Anak-Anak Syarikat UiTM bagi memastikan amanah yang dijalankan penuh berintegriti dalam usaha memerangi rasuah dan salah guna kuasa.

Hadirin sekalian,

5. Penganjuran Majlis Ikrar Bebas Rasuah pada hari ini sangat signifikan dalam memberikan penekanan kepada pentingnya isu rasuah ini.

6. Dalam konteks ini, kita semua perlu menjauhi perkara-perkara yang boleh membawa kepada unsur rasuah seperti mengambil atau memberi rasuah, membuat tuntutan palsu dan penyalahgunaan kuasa, tidak telus serta tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan dan universiti.

7. Apabila termeterainya ikrar dan janji yang akan dibuat, maka semua Lembaga Pengarah UiTM dan Lembaga Pengarah Anak-Anak Syarikat UiTM wajib komited dan bertanggungjawab dalam melaksanakan amanah serta tugas yang telah diberikan.

8. Kita sedia maklum, rasuah sememangnya perbuatan yang tidak bermoral di mata masyarakat waima di sisi agama sekalipun. Perbuatan ini akan menyebabkan imej dan reputasi sesebuah organisasi itu akan terjejas serta mengakibatkan hilangnya kepercayaan masyarakat, lebih-lebih lagi di UiTM yang majoriti warganya terdiri daripada bumiputera dan beragama Islam.

9. Sebagai sebuah universiti terbesar di seluruh negara dengan kapasiti staf dan pelajar, setiap daripada warganya perlu menjaga nama baik universiti ini agar tidak tercalar dek kerana isu yang boleh menjejaskan reputasi UiTM. Ibarat kata pepatah ‘kerana nila setitik, rosak susu sebelanga’.

Hadirin sekalian,

10. Seksyen 17A, Liabiliti Korporat dalam Akta SPRM 2009 yang berkuat kuasa sejak 1 Jun 2020 telah meletakkan beban pencegahan rasuah ke atas organisasi komersial dan pengurusannya dalam erti kata lain kepada seluruh Lembaga Pengarah.

11. Justeru itu, saya sarankan agar semua Lembaga Pengarah cakna dan peka dengan peruntukan ini dalam menentukan keputusan sesuatu perkara.

12. Sebarang keputusan dan tindakan yang dibuat perlulah diperhalusi secara berhemah berlandaskan undang-undang, prosedur dan tatacara yang telah ditetapkan.
13. Pematuhan kepada prosedur dan peraturan dalam pembuatan keputusan akan memberi kesan positif dalam jangka masa yang panjang supaya lebih teratur dan selamat.
14. Pelaksanaan Garis Panduan Tatacara Mencukupi di bawah Subseksyen (5) Seksyen 17A Akta SPRM yang dikeluarkan oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah (GIACC), Jabatan Perdana Menteri hendaklah dipatuhi bagi mencegah berlakunya rasuah yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan dan seterusnya melanggar peruntukan Seksyen 17A, Akta SPRM 2009.

Hadirin sekalian,

15. Saya berharap semua ahli Lembaga Pengarah Universiti dan Lembaga Pengarah Anak-Anak Syarikat UiTM memainkan peranan dalam setiap keputusan yang dibuat bagi mengelakkan berlakunya kerugian atau kepincangan dalam organisasi.

16. Semangat kerja berpasukan perlulah diperkukuh untuk memelihara tadbir urus organisasi serta membentuk jentera pengurusan yang berintegriti, beretika dan amanah.

17. Suka saya berkongsi, program pada hari ini juga merupakan pencetus kepada pembudayaan integriti dalam kalangan Lembaga Pengarah Universiti dan Lembaga Pengarah Anak-Anak Syarikat.

18. Insya-Allah pelbagai lagi program akan disusun antaranya dengan pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan juga dengan beberapa agensi lain untuk membudayakan integriti dan menghindari rasuah serta salah guna kuasa.

19. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia TPj Datuk Seri Norazlan Mohd Razali dan Pengurusan Kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia serta semua pihak yang terlibat atas komitmen dalam menjayakan Ikrar Bebas Rasuah ini.

**Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**